

13/01/2001

Rombakan mungkin babitkan MB

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaludin; Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar  
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan rombakan Kabinet yang bakal dilakukannya, kemungkinan turut membabitkan jawatan Menteri Besar.

Bagaimanapun, Perdana Menteri enggan mengulas apabila ditanya sama ada jawatan Menteri Besar di negeri tertentu akan turut dirombak serentak dengan penyusunan semula barisan Jemaah Menteri Kabinet Persekutuan.

Sebaliknya, beliau menjawab: "Rombaklah semua sekali," dan kemudian secara berseloroh berkata yang beliau juga mahu 'input' seperti apa yang dikehendaki oleh pihak media massa.

Beliau berkata, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dipengeruskannya hari ini tidak membincangkan cadangan untuk merombak Kabinet itu.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat hampir tiga jam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Presiden Umno itu juga berkata bahawa beliau tidak memaklumkan soal rombakan Kabinet pada mesyuarat berkenaan.

"Hari ini, tak ada kena mengena dengan rombakan Kabinet. Anda (wartawan) baca dalam akhbar, (kemudian) anda bagi tahu," katanya yang terus menimbulkan teka teki bila rombakan Kabinet itu akan diumumkan.

"Bila saya rombak, saya akan umumkan," katanya. Ramai wartawan termasuk wakil media asing menghadiri sidang akhbar itu dengan jangkaan bahawa Dr Mahathir kemungkinan akan membuat pengumuman berkenaan.

Beliau tidak memberi sebarang petunjuk, walaupun sebelum ini beliau pernah membuat pengumuman rombakan Kabinet selepas mesyuarat MT apabila melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Spekulasi terbaru ialah membabitkan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain yang dikatakan dipanggil oleh Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Sumber menyebut kemungkinan Syed Razak digugurkan setelah Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Lunas.

Pengumuman mengenai rombakan Kabinet itu dinanti-nantikan setelah Dr Mahathir sendiri mengesahkan akan berbuat demikian sekembalinya daripada lawatan ke Myanmar Selasa lalu.

Spekulasi mengenai rombakan Kabinet itu mula tersebar pertengahan Disember lalu. Tetapi peletakan jawatan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jumaat lalu menghangatkan lagi spekulasi, walaupun Dr Mahathir pernah menafikannya sebelum ini.

(END)